



IBU PEJABAT
JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA
ARAS 3-5, NO. 26, JALAN TUN HUSSEIN,
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03 8000 8000
Faks : 03 8881 0293
Laman Web : www.jpj.gov.my



Ruj.Kami: JPJ.BTM.100-3/1/2 (49)

Tarikh : 24 Mei 2024

YBRS. TS. DR. FAZIDAH BINTI ABU BAKAR

Ketua Pengarah
Jabatan Digital Negara
Blok B, MKN Embassy Techzone,
Jalan Teknokrat 2, 63000, Cyberjaya,
Selangor, Malaysia

YBrs. Ts. Dr.,

**PERMOHONAN KHIDMAT PERUNDINGAN BAGI STRESS TEST SISTEM
JPJEBID JABATAN PENGANGKUTAN JALAN (JPJ)**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas,

2. Untuk makluman YBrs. Ts. Dr., sistem JPJeBid telah siap dibangunkan dan go-live pada tahun 2019. Sistem JPJeBid ini dibangunkan secara outsource oleh pihak Heitech Padu dan telah beroperasi selama 6 tahun. Sistem ini dibangunkan bagi membantu pengurusan proses bidaan nombor pendaftaran secara manual. Sehingga kini, telah terdapat lebih dari 1.7Juta pengguna mendaftar di dalam Sistem JPJeBid.

3. Perbincangan awal telah diadakan pada 17 Mei 2024 bagi mendapatkan khidmat nasihat serta pandangan/ulasan bagi isu yang dihadapi ketika Penutupan Bidaan Siri Nombor Pendaftaran Istimewa (NPI) FFF. Namun disebabkan terdapat keperluan untuk pihak JPJ melakukan ujian tersebut, kami disarankan untuk mendapatkan perkhidmatan tersebut daripada pihak Jabatan Digital Negara (JDN).

4. Sehubungan itu, pihak JPJ ingin memohon jasa baik YBrs. Ts. Dr., bagi memberi kebenaran Pasukan Perunding ICT JDN melaksanakan stress test sistem JPJeBid bagi memastikan keupayaan sistem berada di tahap yang optimum. Aktiviti stress test ini adalah sebagai usaha Jabatan dalam menyediakan sistem yang stabil dan kukuh sekaligus membantu meningkatkan tahap penyampaian perkhidmatan Kerajaan kepada orang awam.

5. Sebarang penjelasan lanjut, pihak YBrs. Ts. Dr., boleh menghubungi pegawai kami iaitu:

Nama : Puan Adilah Binti Abdullah


Emel : adilah@jpi.gov.my

6. Segala perhatian, pertimbangan dan persetujuan daripada YBrs. Ts. Dr., dalam perkara ini amatlah dihargai, dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“MESRA, CEKAP, TELUS”

Saya yang menjalankan amanah,



(Norfiza Binti Mat Nor)
Bahagian Teknologi Digital
b.p Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan
Malaysia

s.k.

- i. Tn. TKP(O)
- ii. Tn. TKP(P)